

BAB TIGA : MASDAR THULĀTHĪY MAZĪD DENGAN TIGA KONSONAN

3.0. Pengenalan

Masdar thulāthīy mazīd dengan tiga konsonan adalah terhasil daripada kata kerja tiga huruf yang berimbuhan tiga konsonan. Terdapat empat pola kata kerja thulāthīy mazīd tiga konsonan. Pola-pola tersebut ialah :

- a. Pola **اِسْتَفْعَل** - imbuhan hamzaṭ waṣal, sīn dan tā' di awal kata.
- b. Pola **اَفْعَوْل** - imbuhan hamzaṭ waṣal di awal dan ʿain serta wāw di tengah kata.
- c. Pola **اَفْعَال** - imbuhan hamzaṭ waṣal di awal dan alīf di tengah serta gandaan konsonan di akhir kata.
- d. Pola **اَفْعَوْل** - imbuhan hamzaṭ waṣal di awal serta gandaan wāw di tengah kata.

(Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 139)

3.1. Masdar Thulāthīy Mazīd Dengan Imbuan hamza_ʔ waṣal Dan Sīn Serta Tā' Di Awal Kata. (اسْتَفْعَل)

Masdar thulāthīy mazīd dengan imbuan hamza_ʔ waṣal, sīn serta tā' di awal kata adalah terhasil daripada kata kerja thulāthīy mazīd berimbuan hamza_ʔ waṣal, sīn serta tā' di awal. Masdar ini terhasil dalam satu bentuk pola yang sama dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu'tal.

3.1.1. Aspek Pola Bagi اسْتَفْعَل

Masdar bagi اسْتَفْعَل dalam bentuk pola اسْتَفْعَال dengan menggantikan baris fatha_ʔ pada tā' di tengah dengan baris kasra_ʔ serta ditambah alif sebelum konsonan di akhir kata. (Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 139)

3.1.1.1. Pola اسْتَفْعَل Bagi Kata Kerja Ṣaḥīḥ.

Kata kerja ṣaḥīḥ bagi kata kerja thulāthīy mazīd berimbuan hamza_ʔ waṣal, sīn dan tā' di awal dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf ṣaḥīḥ.
- ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah.
- iii. Kata kerja berhamza_ʔ.

a. Pola اِسْتَفْعَلَ bagi kata kerja yang lāmnya huruf ṣāḥiḥ. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اِسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
غَرَبَ	اِسْتَعْرَبَ	اِسْتِعْرَابَ	اِسْتِعْرَالُ
(pelik atau asing)	(merasa pelik)	(perasaan pelik)	

b. Pola اِسْتَفْعَلَ bagi kata kerja gandaan konsonan tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اِسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
رَدَّ	اِسْتَرَدَّدَ	اِسْتِرْدَادَ	اِسْتِرْدَالُ
(memulangkan)	(minta dipulangkan)	(permintaan pemulangan)	

c. Pola اِسْتَفْعَلَ bagi kata kerja berhamzat.

Kata kerja berhamzat bagi pola ini dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu :

- i. Kata kerja berhamzat di awal
- ii. Kata kerja berhamzat di tengah
- iii. Kata kerja berhamzat di akhir

i. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja berhamzat di awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَنَفَ	اسْتَأْنَفَ	اسْتِئْنَافٌ	اسْتِئْنَعَالٌ
(lepas diri)	(mula semula)	(permulaan)	

ii. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja berhamzat di tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
تَارَ	اسْتَتَارَ	اسْتِئْتَارٌ	اسْتِئْتَعَالٌ
(berdendam)	(minta membalas dendam)	(pembalasan dendam)	

iii. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja berhamzat di akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
قَرَأَ	اسْتَقْرَأَ	اسْتِئْقِرَاءٌ	اسْتِئْقِعَالٌ
(baca)	(minta dibaca)	(permintaan pembacaan)	

3.1.1.2. Pola اسْتَفْعَلَ Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal bagi kata kerja thulāthiy mazīd berimbuhan hamzat waṣal, sīn serta tā' di awal dikategorikan kepada lima iaitu :

- i. Mu'tal awal .
- ii. Mu'tal tengah .
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal awal dan akhir .
- v. Mu'tal tengah dan akhir.

a. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
يُقَظُّ	اسْتَيْقَظَ	اسْتَيْقَاطٌ	اسْتَيْقَاطٌ
(berjaga)	(terjaga)	(jagaan)	

b. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
رَاحَ	اسْتَرَاَحَ	اسْتِرْوَاحٌ	اسْتِرْفَاحٌ
(berjalan / pergi)	(merehatkan diri / bersenang)	(kerehatan / kesenangan)	

c. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
دَعَا	اسْتَدْعَى	اسْتِدْعَاء	اسْتِفْعَال
(berseru / memanggil)	(menyeru)	(seruan/ panggilan)	

d. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
وَفَّى	اسْتَوْفَى	اسْتِيفَاء	اسْتِفْعَال
(sempurna)	(menyempurnakan)	(penyempurnaan)	

e. Pola اسْتَفْعَلَ bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اسْتَفْعَلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَيَّى	اسْتَحْيَا	اسْتِحْيَاء	اسْتِفْعَال
(hidup)	(menghidupi / membiarkan hidup)	(kehidupan)	

3.1.1.3. Kesimpulan :

Daripada contoh-contoh di atas, bentuk masdar bagi pola ini adalah sama bagi semua pengkategorian kata kerja.

Namun, bagi kata kerja mu'tal akhir, mu'tal awal dan akhir serta mu'tal tengah dan akhir, berlaku gantian alif di akhir dengan hamzat (الإعلال في الهمزة). Contohnya, استدعى (menyeru) daripada دعا (berseru) masdarnya dalam bentuk استدعاء (seruan).

Jadual 3.1

KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN POLA اسْتَفْعَلَ DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazid	Masdar
1) Ṣaḥīḥ	فَعَلَ	Thulāthiy Mazid Tiga Konsonan اسْتَفْعَلَ	اسْتِفْعَال
Ṣaḥīḥ Sālim	عَرَبَ	اسْتَعْرَبَ	اسْتِعْرَاب
Gandaan Konsonan Tengah	رَدَّ	اسْتَرَدَّ	اسْتِرْدَاد
Mahmūz Awal	أَنْفَ	اسْتَأْنَفَ	اسْتِئْنَاف
Mahmūz Tengah	تَأْرَ	اسْتَأْرَ	اسْتِئْرَار
Mahmūz Akhir	قَرَأَ	اسْتَقْرَأَ	اسْتِئْقْرَاء
2) Mu'tal			

Jadual 3.1 (sambungan)

Mu'tal Awal	يَقْظُ	اسْتَيْقَظَ	اسْتَيْقَظَ
Mu'tal Tengah	رَاحَ	اسْتَرَاخَ	اسْتَرَوَّاحَ
Mu'tal Akhir	دَعَا	اسْتَدْعَى	اسْتَدْعَاءَ
Mu'tal Awal dan Akhir	وَفَى	اسْتَوْفَى	اسْتِيفَاءَ
Mu'tal Tengah dan Akhir	حَيَّى	اسْتَحْيَا	اسْتِحْيَاءَ

3.1.2. Aspek Semantik Pola اسْتَفْعَلَ

Aspek semantik bagi kata kerja thulāthīy mazīd yang berimbuhan hamzat waṣal, sīn, dan tā' di awal bertujuan menghuraikan makna-makna yang terkandung daripada pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan hamzat waṣal, sīn, dan tā' di awal, maknanya berbeza daripada asal kata kerja. Semantik bagi kata kerja ini adalah pelbagai. Penulis cuba menghuraikannya seperti di bawah.

3.1.2.1. Tuntutan (الطَّلَب)

Ia bermaksud menyatakan sesuatu yang dituntut samada secara sebenarnya (*hakiki*) atau secara bukan sebenarnya (*majāzi*). Bagi tuntutan secara *hakiki* contohnya : اسْتَعْفَرْتُ اللَّهَ (aku memohon keampunan kepada Allah) daripada kata

akarnya غَفَرَ (ampun) yakni memohon keampunan Allah dan اسْتَفْهَمْتُ

(saya memohon supaya difahamkan).

Manakala bagi contoh tuntutan secara *majāzi* (transferred meaning) pula seperti : اسْتَخْرَجْتُ الذَّهَبَ مِنَ الْمَعْدِنِ (aku meminta dikeluarkan emas daripada lombong) daripada kata akarnya خَرَجَ (keluar) yakni meminta supaya emas keluar daripada lombong. Hal ini tidak mungkin boleh berlaku. (Ahmad al-Hamlāwīy, 1965 : 46)

3.1.2.2. Berubah kepada sesuatu yang lain (الصِّيْرُورَةُ / التَّحَوُّلُ)

Ia bermaksud menyatakan keadaan pelaku yang berubah dari suatu keadaan yang lain. Contohnya : اسْتَحْجَرَ الطِّينَ (tanah liat itu menjadi batu) daripada kata akarnya حَجَرَ (batu) yakni tanah liat itu berubah menjadi batu. (Baha'uddīn 'Abdullah 1997 : 555)

Sībawayh menyatakan, terdapat tujuan *majāzi* (transferred meaning) bagi makna ini. Contohnya: اسْتَنَوَقَ الْجَمَلَ (Ia menjadi seperti unta betina) daripada kata nama النَّاقَةُ (unta betina) yakni bertujuan untuk mengejeknya atau mencelanya. (Sībawayh, t.t : 71)

3.1.2.3. Spontan (المصادفة)

Ianya bermaksud perilaku yang berlaku secara spontan atau tiba-tiba.

Contohnya : استكرمت زيدا (aku mendapati Zaid telah menjadi mulia) daripada

kata akarnya كرم (mulia) dan استبخلته (aku mendapati dia telah menjadi orang

yang kedekut) daripada kata akarnya بخل (bakhil). (Ahmad al-Hamlāwīy, 1965 :

47)

3.1.2.4. Keyakinan terhadap sifat sesuatu (اعتقاد صفة الشيء)

Contohnya : استحسنيت كذا (saya menyakini ianya bagus / elok) daripada kata

akarnya حسن (baik / elok). Iaitu menyakini keelokan sifatnya (اعتقدت حسنه).

(Ibid, 1965 : 47)

3.1.2.5. Ringkasan pengucapan ayat (اختصار حكاية الشيء)

Contohnya: إنا لله وإنا إليه راجعون (ucapkanlah) daripada kata akarnya

رجع (kembali / pulang). Ia adalah ringkasan daripada ucapan إنا لله وإنا إليه

راجعون (sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah

kami kembali). Ucapan ini dibacakan apabila kita ditimpa bala atau berlakunya kematian. (Aḥmad al-Ḥamlāwīy, 1965: 47)

3.1.2.6. Menyungguh (القُوَّة)

Contohnya: اسْتَكْبَرَ (ia bersifat takabbur). Daripada kata akarnya كَبُرَ

(besar). Yakni, menyatakan kuatnya sifat takabur yang ada dalam diri. (Ibid, 1965 : 47)

Jadual 3.2

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN POLA اسْتَفْعَل

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Tuntutan (الطَّلَب)	اسْتَعْفَرْتُ اللَّهَ (<u>aku memohon keampunan kepada Allah</u>)
2	Berubah kepada sesuatu yang lain (التَّحَوُّل)	اسْتَحْجَرَ الطِّينُ (tanah liat itu <u>menjadi batu</u>)
3	Muṣādafaṭ (المَصَادَفَةُ)	اسْتَكْرَمْتُ زَيْدًا (<u>aku mendapati Zaid telah menjadi mulia</u>)
4	Keyakinan terhadap sifat sesuatu (اِعْتِقَادُ صِفَةِ الشَّيْءِ)	اسْتَحْسَنْتُ كَذَا (<u>saya meyakini ianya bagus / elok</u>)
5	Ringkasan pengucapan ayat (اِخْتِصَارُ الْحِكَايَةِ)	اسْتَرْجِعْ (<u>ucapkanlah وَإِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ</u>)
6	Menyungguh (القُوَّة)	اسْتَكْبَرَ (<u>ia bersifat takabbur</u>)

3.2. Masdar Thulāthīy Mazīd Dengan Imbuan Hamzat Waṣal Di Awal Dan ‘Aīn Serta Wāw Di Tengah Kata أَفْعَوْلَ.

Masdar thulāthīy mazīd dengan imbuan hamzat waṣal di awal dan ‘aīn serta wāw di tengah kata adalah terhasil daripada kata kerja thulāthīy mazīd dengan imbuan hamzat waṣal di awal dan ‘aīn serta wāw di tengah. Masdar ini terhasil dalam satu bentuk pola dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu‘tal.

3.2.1. Aspek Pola Bagi أَفْعَوْلَ.

Masdar bagi أَفْعَوْلَ dalam bentuk pola أَفْعِيْعَال . Baris fathat pada ‘aīn diganti kepada baris kasrat manakala wāw digantikan dengan yā’ dan ditambah alif sebelum konsonan di akhir. (Fakhrudīn Qabāwat, 1994 : 139)

Kata kerja ṣaḥīḥ bagi kata kerja thulāthīy mazīd imbuan hamzat waṣal di awal dan ‘aīn serta wāw di tengah kata dikategorikan kepada satu bahagian iaitu :
Kata kerja yang lāmnya huruf ṣaḥīḥ. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَوْلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola</u> <u>Masdar</u>
حَدَبَ	أَحْدَوَدَبَ	أَحْدِيدَابَ	أَفْعِيْعَال
(membengkok / melengkung)	(membengkokkan / melengkungkan)	(pembengkokan)	

Manakala bagi kata kerja mu'tal terdapat pada kata kerja mu'tal akhir.

Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola افْعَوْعَلْ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
شَرَى	اِشْرَوْرَى	اِشْرِيَاءَ	اِفْعِيْعَالْ
(membeli)	(kacau bilau)	(kekacauan)	

3.2.1.1. Kesimpulan :

Masdar bagi dua contoh di atas dalam bentuk pola yang sama. Namun, bagi kata kerja mu'tal akhir berlaku gantian alif di akhir dengan hamzat (الإِعْلَالُ (فِي الْهَمْزَةِ).

Jadual 3.3

KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN POLA افْعَوْعَلْ DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazīd	Masdar
1) Ṣaḥīḥ	فَعَلَ	Thulāthiy Mazīd Tiga Konsonan اِفْعَوْعَلْ	اِفْعِيْعَالْ
Ṣaḥīḥ Sālim	حَدَبَ	اِحْدَوَدَبَ	اِحْدِيْدَابَ

Jadual 3.3 (sambungan)

Gandaan Konsonan Tengah			
Mahmūz Awal			
Mahmūz Tengah			
Mahmūz Akhir			
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal			
Mu'tal Tengah			
Mu'tal Akhir	شَرَى	اشْرَوْرَى	اشْتَرَى
Mu'tal Awal dan Akhir			
Mu'tal Tengah dan Akhir			

3.2.2. Aspek Semantik Bagi Pola أَفْعَوْعَلْ

Aspek semantik bagi pola ini bertujuan menghuraikan makna-makna yang terkandung bagi pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan imbuhan hamzat waṣal di awal dan 'aīn serta wāw di tengah, semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Terdapat dua makna yang terhasil dari pola ini iaitu :

3.2.2.1. Kepalingan (المبالغة)

Ia bermaksud berlebih-lebihan dalam menyifatkan sesuatu perkara (hyperbole). Contohnya : اِعْشَوْشَبَ (rumput itu terlalu banyak) daripada kata akarnya عَشِبَ (tumbuh). (Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 120)

3.2.2.2. Menjadikan sesuatu (الصِّرُورَة)

Ia bermaksud menjadikan sesuatu dengan sesuatu yang lain atau berubah kepada sesuatu yang lain. Contohnya : أَحْقَوْفَ (ia menjadi panjang dan bengkok) daripada kata akarnya حَقَفَ (sesuatu yang panjang dan bengkok).

(Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 120)

Jadual 3.4

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN POLA افْعَوْعَل

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Kepalingan (الْمُبَالِغَة)	اعشَوْشَبَ (<u>rumpit itu terlalu banyak</u>)
2	Menjadikan sesuatu (الصِّرُورَة)	احقَّقَوْفَ (<u>ia menjadi panjang dan bengkok</u>)

3.3. Masdar Thulāthiy Mazīd Dengan Imbuhan Hamzaṭ waṣal Di Awal Dan Alīf Di Tengah Serta Gandaan Konsonan Di Akhir Kata افْعَالٌ

Masdar thulāthiy mazīd dengan imbuhan hamzaṭ waṣal di awal dan alīf di tengah serta gandaan konsonan di akhir kata terhasil daripada kata kerja thulāthiy

mazid berimbuan hamzat waṣal di awal dan alīf di tengah serta gandaan konsonan di akhir. Masdar ini terhasil dalam bentuk pola masdar yang sama dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu‘tal.

3.3.1. Aspek Pola Bagi أَفْعَالٌ .

Bagi pola أَفْعَالٌ masdarnya dalam bentuk pola اِفْعِيْلَالٌ iaitu dengan menggantikan baris fathat pada ‘aīn kepada baris kasrat. Manakala alīf di tengah digantikan dengan yā’. Kemudian, ditambah alīf sebelum konsonan di akhir .
(Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 140)

3.3.1.1. Pola أَفْعَالٌ Bagi Kata Kerja Ṣaḥīḥ.

Kata kerja ṣaḥīḥ bagi pola ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf ṣaḥīḥ.
- ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah.

Manakala kata kerja berhamzat tidak terdapat contoh yang berkaitan dengan pola ini.

a. Pola أَفْعَالٌ bagi kata kerja yang lāmnya huruf ṣāḥiḥ. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَالٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
ذَهَمَ	أَذْهَمَ	أَذْهِيمًا	أَفْعِيلَالٌ
(hitam)	(menjadi sangat hitam)	(kehitaman)	

b. Pola أَفْعَالٌ bagi kata kerja gandaan konsonan tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَالٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
قَضَّ	أَنْقَضَّ	أَنْقِيضًا	أَفْعِيلَالٌ
(runtuh)	(meruntuh / berderai / berkecai)	(keruntuhan)	

3.3.1.2. Pola أَفْعَالٌ Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal bagi pola ini dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Mu'tal awal .
- ii. Mu'tal tengah .
- iii. Mu'tal akhir .

Manakala kata kerja mu'tal awal dan akhir serta kata kerja mu'tal tengah dan akhir tidak terdapat contoh yang berkaitan dengan pola ini.

a. Pola أَفْعَالٌ bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَالٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
وَرَقَ	أَيَّرَاقٌ	أَيْرِيقًا	أَفْعِيلَالٌ
(berdaun)	(menghijau)	(kehijauan)	

b. Pola أَفْعَالٌ bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَالٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَالَ	أَحْوَالٌ	أَحْوِيلَالٌ	أَفْعِيلَالٌ
(berubah)	(berubah keadaan)	(perubahan)	

c. Pola أَفْعَالٌ bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَالٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
عَمِيَ	أَعْمَيٌّ	أَعْمِيَاءٌ	أَفْعِيلَالٌ
(buta)	(menjadi buta / sangat kabur)	(kekaburan / kesamaran)	

3.3.1.3. Kesimpulan :

Daripada contoh-contoh di atas, masdar bagi أَفْعَالٌ ialah أَفْعِلَالٌ pada kata kerja sahīḥ dan mu'tal. Namun, terdapat gantian konsonan pada kata kerja mu'tal awal dan masdarnya. Contohnya : أَيْرَاقٌ (menghijau) asalnya أَوْرَاقٌ daripada kata akarnya وُرَاقٌ (berdaun). Manakala masdarnya ialah أَيْرِيقًا (kehijauan) yang asalnya أَوْرِيقًا. Wāw yang bersukun digantikan dengan yā' untuk meringankan sebutan. Gantian wāw dengan yā' ini dinamakan sebagai penggantian huruf 'illat (الإِعْلَالُ بِالْقَلْبِ). (Muṣṭafā al-Ghalāyīnīy, 1995 : 107)

Begitu juga dengan اِحْوَالَ (berubah keadaan) masdarnya ialah اِحْوِيلًا (perubahan) daripada kata akarnya حَوَّلَ (berubah) asalnya حَوَّلَ. Wāw digantikan dengan alīf kerana kesesuaiannya dengan baris fathaḥ. (Muḥammad Yusriy Za'ir, 1997 : 65) Manakala masdar bagi kata kerja mu'tal akhir berlaku gantian alīf di akhir kepada hamzat (الإِعْلَالُ فِي الْهَمْزَةِ). Contohnya : اِعْمِيَ (menjadi buta / sangat kabur) daripada kata akarnya عَمِيَ (buta) masdarnya ialah اِعْمِيَاءَ (kekaburan / kesamaran).

Jadual 3.5

JADUAL KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN POLA أَفْعَالٌ
DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazīd	Masdar
1) Ṣaḥīḥ	فَعَلَ	Thulāthiy Mazīd Tiga Konsonan أَفْعَالٌ	أَفْعَالٌ
Ṣaḥīḥ Sālīm	دَهَمَ	أَدَهَمَ	أِدْهِمَامٌ
Gandaan Konsonan Tengah	قَضَّ	أَقْضَا	أِنْقِضَاضٌ
Mahmūz Awal			
Mahmūz Tengah			
Mahmūz Akhir			
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal	وَرَقَ	أِرَاقَ	أِيرِيقَاقٌ
Mu'tal Tengah	حَالَ	أَحْوَالَ	أَحْوِيلَالٌ
Mu'tal Akhir	عَمِيَ	أَعْمَايَ	أَعْمِيَاءٌ
Mu'tal Awal dan Akhir			
Mu'tal Tengah dan Akhir			

3.3.2. Aspek Semantik Pola أَفْعَالٌ

Aspek semantik bagi pola imbuhan hamzat waṣal di awal dan alif di tengah serta gandaan konsonan di akhir kata bertujuan menghuraikan makna yang terbit daripada pola ini. Ini kerana, setelah diimbuhkan dengan imbuhan hamzat waṣal di awal dan alif di tengah serta gandaan konsonan di akhir semantiknya berbeza daripada kata kerja asalnya. Terdapat satu makna yang terbit dari pola ini iaitu :

3.3.2.1. Kepalingan (المبالغة)

Ia bermaksud berlebih-lebihan dalam menyifatkan sesuatu perkara. Contohnya:

اِحْمَارٌ وَجْهُهُ (mukanya merah padam) daripada kata akarnya حَمْرٌ (merah) yakni

wajahnya kelihatan sangat merah. (Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 120)

Jadual 3.6

JADUAL SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN
POLA أَفْعَالٌ

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Kepalingan (المبالغة)	اِحْمَارٌ وَجْهُهُ (mukanya <u>merah padam</u>)

3.4. Masdar Thulāthiy Mazīd Dengan Imbuan Hamzaṭ Waṣal di awal Dan Gandaan Wāw Di Tengah Kata (اَفْعُولَ).

Masdar thulāthiy mazīd dengan imbuan hamzaṭ waṣal di awal dan gandaan wāw di tengah kata adalah terhasil daripada kata kerja thulāthiy mazīd berimbuan hamzaṭ waṣal di awal dan gandaan wāw di tengah kata . Masdar ini terhasil dalam bentuk yang sama dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu'tal.

3.4.1. Aspek Pola Bagi اَفْعُولَ

Bagi pola اَفْعُولَ masdarnya dalam bentuk pola اَفْعُوَالِ dengan menggantikan baris fathaṭ pada 'aīn kepada baris kasraṭ dan ditambah alīf sebelum konsonan akhir.
(Fakhruddīn Qabāwat, 1994 : 140)

Kata kerja ṣaḥīḥ bagi pola ini dikategorikan kepada satu sahaja iaitu : kata kerja yang lāmnya huruf ṣaḥīḥ. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اَفْعُولَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
قَلَدَ	اَقْلَوَدَ	اِقْلَوَادَ	اِفْعُوَالِ
(memintal / melengkung)	(mengalahkan / mengatasi)	(kekalahan)	

Manakala bagi kata kerja mu'tal juga dikategorikan kepada satu sahaja iaitu :

kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَوْلَ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَوِيَ	إِحْوَى	إِحْوَاء	إِفْعَوَال
(bercampur warna)	(menyubur)	(kesuburan)	

3.4.1.1. Kesimpulan :

Masdar bagi kata kerja ini terbentuk dalam satu pola sahaja. Bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir, berlaku gantian alif di akhir kepada hamzaʔ pada masdar kata kerja.

Jadual 3.7

JADUAL KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN POLA أَفْعَوْلَ DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazīd	Masdar
1) Ṣaḥīḥ	فَعَلَ	Thulāthiy Mazīd Tiga Konsonan أَفْعَوْلَ	إِفْعَوَال
Ṣaḥīḥ Sālim	قَلَدَ	أَقْلَوَدَ	أَقْلَوَاد

Jadual 3.7 (sambungan)

Gandaan Konsonan Tengah			
Mahmūz Awal			
Mahmūz Tengah			
Mahmūz Akhir			
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal			
Mu'tal Tengah			
Mu'tal Akhir			
Mu'tal Awal dan Akhir			
Mu'tal Tengah dan Akhir	حَوِي	اِحْوَوِي	اِحْوَوَاء

3.4.2. Aspek Semantik Bagi Pola اَفْعَوْلَ

Aspek semantik bagi pola imbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan wāw di tengah kata bertujuan menghuraikan makna yang terhasil daripada pola kata kerja ini. Terdapat satu makna yang terbit dari pola ini iaitu :

3.4.2.1. Kepalingan (المبالغة)

Ia bermaksud berlebih-lebihan dalam menyatakan sesuatu perkara (hyperbole). Contohnya اَجْلُوذَ الفرسُ (kuda berlalu dengan pantas / laju) daripada kata akarnya جَلَدَ (berlalu pantas / berpanjangan). (Muḥammad Yusriy Za'ir, 1989 :

260)

Jadual 3.8

JADUAL SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHĪY MAZĪD TIGA KONSONAN
POLA افْعَوْلَ

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Kepalingan (المَبَالِغَةُ)	اجْلَوْذَ الْفَرَسِ (kuda berlalu dengan pantas / laju)